

**AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES  
TERANCAM 2008**

**PERATURAN - PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES  
TERANCAM (PUSAT MENYELAMAT) 2009**

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

**Peraturan**

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Penubuhan Pusat Menyelamat
3. Fungsi Pusat Menyelamat
4. Kemasukan spesies terjadual hidup di dalam Pusat Menyelamat
5. Pelantikan operator
6. Penyenggaraan rekod oleh Pihak Berkuasa Pengurusan

# **AKTA PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM 2008**

## **PERATURAN - PERATURAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES TERANCAM (PUSAT MENYELAMAT) 2009**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 54(2)(b) Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut :

### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

- 1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam (Pusat Menyelamat) 2009.****
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 28 Disember 2009.**

### **Penubuhan Pusat Menyelamat**

- 2. (1) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh menubuhkan Pusat Menyelamat di mana-mana premis sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.**
- (2) Pusat Menyelamat yang ditubuhkan di bawah subperaturan (1) hendaklah disenggarakan dan dikawal oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.**
- (3) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh berunding dengan Pihak Berkuasa Saintifik mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan penubuhan Pusat Menyelamat.**

### **Fungsi Pusat Menyelamat**

3. Fungsi Pusat Menyelamat adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menyediakan jagaan dan perlindungan yang mencukupi kepada spesies terjadual hidup; dan
- (b) untuk menyediakan apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan Pusat Menyelamat sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan.

### **Kemasukan spesies terjadual hidup di dalam Pusat Menyelamat**

4. Pihak Berkuasa Pengurusan boleh, setelah berunding dengan Pihak Berkuasa Saintifik, memasukkan mana-mana spesies terjadual hidup yang -

- (a) disita dan ditahan di bawah seksyen 27 Akta;
- (b) dirampas dan dilupuskan di bawah seksyen 34 Akta; dan
- (c) pada pandangan Pihak Berkuasa Pengurusan spesies terjadual hidup itu sesuai untuk dimasukkan,

ke dalam Pusat Menyelamat.

### **Pelantikan operator**

5. (1) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh, dengan kebenaran Pihak Berkuasa Pengurusan Utama, melantik seseorang yang mempunyai kelayakan dan pengalaman yang berhubungan dengan spesies terjadual hidup untuk menjadi operator Pusat Menyelamat.

(2) Pihak Berkuasa Pengurusan boleh mengenakan apa-apa terma dan syarat berhubung dengan pelantikan operator.

(3) Mana-mana operator yang melanggar subperaturan (2) melakukan kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

#### **Penyenggaraan rekod oleh Pihak Berkuasa Pengurusan**

6. Pihak Berkuasa Pengurusan hendaklah menyimpan dan menyenggarakan —

- (a) rekod mengenai Pusat Menyelamat yang ditubuhkan di bawah peraturan 2;
- (b) rekod mengenai kemasukan apa-apa spesies terjadual hidup ke dalam Pusat Menyelamat di bawah peraturan 4; dan
- (c) rekod mengenai pelantikan operator di bawah peraturan 5,

melalui apa-apa kaedah sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pengurusan Utama.

Dibuat Disember 2009

[NRE(S) ; PN(PU<sup>2</sup>)672]

DATO SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS  
*Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*